



## SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN CONVENT JALAN PEEL KUALA LUMPUR



“Transformation Towards Excellence”

### **PERTANDINGAN “JOM BACA & JADI KREATIF”** **PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN CONVENT JALAN PEEL** **TAHUN 2020**

#### 1. MAKLUMAT PERTANDINGAN

- a) Pertandingan “Jom Baca & Jadi Kreatif” **Peringkat SMK Convent Jalan Peel Kuala Lumpur Tahun 2020** bertujuan menyokong program NILAM sekolah dan aktiviti membaca di bawah Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) 2021-2030 dan sebagai tanda sokongan kepada Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku 2020 (KLWBC2020).
- b) DMK adalah satu pendekatan yang lebih mantap lagi agresif bagi menarik lebih ramai murid-murid sekolah dan masyarakat untuk **mencintai dunia pembacaan dan menyegarkan pembudayaan membaca**.
- c) Konsep pertandingan ini adalah meliputi **aktiviti selepas pembacaan** dengan isi cerita dipersembahkan semula mengikut kreativiti peserta **dalam bentuk deklamasi sajak, syair, animasi grafik, lukisan, resensi, cerpen, infografik, peta minda dan lain-lain**. Persembahan ini perlu **dirakam dalam bentuk video**.
- d) Objektif pertandingan adalah:
  - i Sebagai **pemangkin kepada pembudayaan membaca** dalam kalangan murid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
  - ii Memberi **pendedahan kepada murid** bahawa masa kini lanskap baru dunia diwarnai dengan **dunia digital tanpa sempadan** yang **meluaskan akses capaian kepada bahan bacaan dan sumber maklumat**; dan
  - iii **Impak hasil daripada pembacaan** dapat diterjemahkan dalam bentuk yang lebih **kreatif dan inovatif**.
- e) Pertandingan bermula pada **29 April 2020 (Rabu)**. Tarikh tutup penyertaan peringkat sekolah ialah **8 Mei 2020 (5.00 petang)**.
- g) Pertandingan **dilaksanakan secara dalam talian** dengan mengambil kira tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa dan arahan Kerajaan dari semasa ke semasa.

#### 2. TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

- a) Penyertaan adalah **percuma**.
- b) Terbuka kepada **semua pelajar SMK Convent Jalan Peel**.
- c) Aktiviti dirakam **dalam bentuk video sahaja (persembahan individu)**.
- d) Hanya **SATU penyertaan** bagi **SETIAP murid** dibenarkan.
- e) **Kos penghasilan video** ditanggung sepenuhnya oleh **peserta**.
- f) Video yang dihasilkan ialah **aktiviti selepas pembacaan** dengan **isi cerita dipersembahkan semula** mengikut kreativiti peserta dalam bentuk **deklamasi sajak, syair, animasi grafik, lukisan, resensi, cerpen, infografik, peta minda dan lain-lain**.
- g) Durasi video **tidak melebihi 7 minit** (termasuk *opening montage* dan *ending credit*).
- h) Video boleh dihantar dalam **Bahasa Malaysia** atau pun **Bahasa Inggeris**.

### **3. KRITERIA PENGHAKIMAN**

Keseluruhan video yang dihantar oleh peserta akan dinilai mengikut kriteria dan pecahan skema pemarkahan yang berikut:

<b>KRITERIA</b>	<b>MARKAH</b>
Idea dan Kreativiti	<b>40</b>
Kualiti dan Keaslian	<b>30</b>
Ketepatan dengan Aktiviti	<b>20</b>
Teknik Persembahan	<b>10</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>

### **4. HADIAH DAN KEPUTUSAN PERTANDINGAN**

<b>TEMPAT</b>	<b>HADIAH</b>
Pertama	<b>Sijil Penyertaan &amp; Bahan Bacaan Bernilai RM100.00</b>
Kedua	<b>Sijil Penyertaan &amp; Bahan Bacaan Bernilai RM 80.00</b>
Ketiga	<b>Sijil Penyertaan &amp; Bahan Bacaan Bernilai RM 60.00</b>

### **5. PENOLAKAN PENYERTAAN**

Pihak sekolah berhak menolak penyertaan yang **tidak lengkap** dan penyertaan yang **diterima lewat** daripada tarikh tutup **8 Mei 2020 (5.00 petang)**.

## **6. PENGISYTIHARAN PEMENANG**

Setiap karya akan dinilai keaslian, isi kandungan, konsep, keupayaan mesej dan kreativiti serta kualiti produksi oleh panel juri yang dilantik oleh pihak sekolah dan pemenang akan diumumkan melalui **Laman Web Sekolah** pada **13 Mei 2020 (Rabu)**.

## **7. PENAFIAN**

- (a) Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD**. Sebarang rayuan dan bantahan tidak akan dipertimbangkan.
- (b) Sila pastikan keseluruhan kandungan video yang digunakan **berstatus bebas royalti**.
- (c) Pihak **SMK Convent Jalan Peel tidak akan bertanggungjawab** atas sebarang **tuntutan akibat pelanggaran AKTA HAK CIPTA**.
- (d) Karya yang dihasilkan adalah berdasarkan **kreativiti peserta**, mengandungi **nilai-nilai murni** dan **TIDAK BOLEH** mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti perkauman, kebudayaan, keagamaan dan tidak menghina mana-mana individu.
- (d) Setiap penyertaan mestilah merupakan **karya asal dan bukan hak milik orang lain**. Penyertaan akan **dibatalkan** sekiranya didapati hasil **karya yang dikemukakan tidak asli**.
- (e) Setiap hasil karya yang dipertandingkan mestilah **TIDAK PERNAH dipertandingkan** di mana-mana pertandingan video peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
- (g) **Pihak sekolah berhak untuk membatalkan penyertaan sekiranya berlaku pelanggaran syarat-syarat di atas.**

## **8. TEMPOH PERTANDINGAN**

- a) Pertandingan bermula pada **29 April 2020 (Rabu)**. Tarikh tutup pertandingan adalah pada **8 Mei 2020, jam 5.00 petang**.
- b) Pelajar dikehendaki menghantar video kepada Pusat Sumber Sekolah dengan cara mengisi borang penyertaan di *link* berikut:  
<https://forms.gle/LQfrFgBpkQbaasGJA>
- c) Pihak sekolah akan membuat penilaian di peringkat sekolah **untuk memilih 1 penyertaan terbaik ke peringkat zon Bangsar Pudu**.